

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[ BESUT ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasa ekonomi berasaskan pertanian; khasnya dalam aspek pengkomersialan teknologi dan inovasi sektor pertanian dan agro makanan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Pemeriksaan ekonomi sektor pertanian yang berlandaskan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) adalah penting bagi mewujudkan industri agromakanan yang berdaya saing dan mampan. Ini secara langsung dapat memperkasakan ekonomi petani, penternak, nelayan serta usahawan industri makanan di samping meningkatkan produktiviti di sepanjang rantai nilai.

2. Kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) telah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menyokong aktiviti R,D,C&I.

## SOALAN NO : 54

Ini meliputi aspek perundangan, pembiayaan, kepakaran serta kemudahan penyelidikan terhadap R,D,C&I dalam sektor pertanian dan agromakanan.

3. Dalam usaha pengkomersialan teknologi dan inovasi, Kementerian antara lain telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut :

- (i) Pemindahan teknologi kepada kumpulan sasar melalui agensi pengembangan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan;
- (ii) Kaedah perlesenan, peningkatan skala menggunakan "*technofund*", "*incubator & test-bed*" dan konsultasi teknologi bagi teknologi yang dilindungi di bawah perlindungan harta intelek;
- (iii) Pembangunan modal insan melalui kursus dan latihan, seminar, khidmat nasihat teknikal dan penyebaran maklumat; dan
- (iv) Kerjasama strategik dengan pihak industri dan institusi penyelidikan.

Sekian, terima kasih.